

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

**JOW 452 – Perhubungan Industri**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Bahagian A **WAJIB** di jawab. Bahagian B pilih **DUA (2)** soalan sahaja.

Markah bagi setiap soalan adalah seperti yang tercatat.

**BAHAGIAN A (WAJIB)[50 markah]**

**SOALAN 1 [25 markah]**

Encik Amin baru dinaikkan pangkat sebagai seorang penolong pengurus perhubungan industri di sebuah syarikat pembinaan. Beliau bertanggungjawab terhadap hal ehwal hubungan pekerja dan kesatuan sekerja. Baru baru ini Encik Amin diarahkan oleh ketuanya untuk menangani masalah disiplin salah seorang pekerja mereka. Pekerja tersebut sering datang kerja lewat, sering bergaduh di tempat kerja dan yang terkini beliau ditangkap oleh penyeliaanya semasa merokok di kawasan larangan sambil meminum minuman keras di tempat kerja.

- (a) Pada pendapat anda, adakah pekerja tersebut telah melakukan salah laku yang serius sehingga memerlukan tindakan disiplin diambil oleh pihak pengurusan?

(12 markah)

- (b) Apakah langkah-langkah yang perlu diikuti dan tindakan yang boleh diambil oleh Encik Amin dalam menjalankan tugas yang diamanahkan kepada beliau?

(13 markah)

**SOALAN 2 [25 markah]**

Perhubungan industri di dalam sektor awam adalah berbeza daripada perhubungan industri di sektor swasta disebabkan oleh penggunaan peraturan dan undang-undang yang berbeza. Namun keharmonian perhubungan industri di dalam kedua-dua sektor adalah sama penting dalam memastikan keutuhan pembangunan ekonomi negara. Huraikan ciri-ciri perhubungan industri di dalam sektor awam **ATAU** sektor swasta dan nyatakan kaedah-kaedah yang boleh digunakan untuk membentuk dan mengekalkan keharmonian industri dalam sektor tersebut.

**BAHAGIAN B [50 markah]**

**Pilih DUA (2) soalan sahaja.**

**SOALAN 1 [25 markah]**

- (a) Nyatakan perbezaan di antara perhubungan industri dan perhubungan pekerja.

(10 markah)

- (b) Ada beberapa pihak yang terlibat dalam perhubungan industri di Malaysia. Namakan pihak -pihak yang terlibat dalam sistem perhubungan industri dan apakah peranan yang dimainkan oleh pihak -pihak yang anda namakan?
- (15 markah)

**SOALAN 2 [25 markah]**

- (a) Apakah tindakan yang sering diambil oleh majikan untuk menghalang pekerja mereka daripada menyertai kesatuan sekerja?
- (12 markah)
- (b) Peratusan pekerja yang menyertai kesatuan sekerja di Malaysia telah semakin menurun dalam dua dekad yang lalu. Pada pendapat anda mengapa ini berlaku?
- (13 markah)

**SOALAN 3 [25 markah]**

- (a) Huraikan jenis-jenis persediaan yang akan dibuat oleh majikan sebelum perundingan kolektif dengan kesatuan sekerja.
- (12 markah)
- (b) Pada pendapat anda, bagaimanakah pertikaian mengenai ketidakpatuhan perjanjian kolektif atau pertikaian mengenai tafsiran perjanjian kolektif boleh diselesaikan?
- (13 markah)

**SOALAN 4 [25 markah]**

- (a) Apakah prosedur utama yang perlu diikuti oleh sesebuah syarikat sebelum mereka menamatkan kontrak pekerjaan akibat lebihan pekerja?
- (12 markah)
- (b) Huraikan di antara persediaan yang perlu dilakukan oleh majikan sebelum siasatan dalaman (domestic inquiry) dijalankan.
- (13 markah)